

Selasa, 4 Februari 2020 | 10:01pm



**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. - Foto Rosdan Wahid

## **KPDNHEP harap Akta Kredit Pengguna dibentangkan tahun ini**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berharap Akta Kredit Pengguna yang kini di peringkat penggubalan, dapat dibentangkan di Dewan Rakyat tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata penggubalan undang-undang baharu itu penting untuk pengguna berikutan ia mengawal selia semua aktiviti pemberian pinjaman kewangan.

Ketika ini, undang-undang baharu itu digubal oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Kita tahu proses penggubalan memakan masa, justeru kementerian harap dapat dibentangkan pada tahun ini walaupun tidak menetapkan tempoh masa," katanya kepada pemberita selepas sesi ramah mesra bersama rakan strategik kepenggunaan KPDNHEP di sini, hari ini.

• Yang turut hadir Timbalan Menterinya, Chong Chieng Jen dan Ketua Setiausaha Kementeriannya, Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad.

Saifuddin berkata, apabila diluluskan kelak, undang-undang baharu itu akan mengawal selia semua perkara dalam aktiviti pemberian pinjaman termasuk perlindungan, tatacara dan proses.

Katanya, penggubalan undang-undang baharu itu yang dikongsikan bersama-sama dalam sesi ramah mesra itu turut mendapat reaksi menarik peserta.

Ditanya jika undang-undang baharu itu merangkumi 13 akta berkaitan sedia ada, membabitkan pelbagai kementerian lain, jika diluluskan nanti, Saifuddin berkata, ia akan dimuktamadkan kelak.

"Dari segi penggubalannya, ia mengambil kira kesemua peruntukan yang ada dalamnya.

"Jadi sama ada ia berakhir dengan akta tunggal, atau dibacakan bersama, ia akan dimuktamadkan," katanya.

